

# Dasar ekonomi Kerajaan MADANI mampu tarik pelaburan baharu

Sesi meja bulat bersama 60 pemimpin industri, perniagaan babit pelbagai sektor

Daripada Sariha Mohd Ali  
sariha@bh.com.my  
di Kaherah, Mesir



Dasar ekonomi Kerajaan MADANI yang jelas dengan angka petunjuk yang memberangsangkan, berupaya menarik pelaburan baharu bagi memacukan ekonomi negara pada peringkat global, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga diiktiraf sebagai hab utama dalam bidang semikonduktor dan tenaga hijau di rantau Asia Tenggara, sekali gus menjadikan negara ini dapat memainkan peranan itu pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, selain itu, be-

berapa peluang dalam bidang industri sawit, automotif, farmaseutikal dan produk perubatan, semikonduktor, sektor digital serta tenaga diperbaharui turut dibincangkan pada sesi meja bulat diadakan bersama kira-kira 60 pemimpin industri dan perniagaan membabitkan pelbagai sektor yang berpusat di Mesir serta delegasi perniagaan Malaysia malam kelmarin.

“Dasar Kerajaan MADANI sangat jelas dan angka serta petunjuk ekonomi Malaysia yang memberangsangkan, selain pengiktirafan sebagai hab utama dalam bidang semikonduktor dan tenaga hijau di rantau Asia Tenggara, akan dapat memacu pertumbuhan ke peringkat global.

“Sebelum berlepas ke Riyadh, Arab Saudi, malam tadi (kelmarin), saya dan delegasi menghadiri sesi meja bulat bersama kira-kira 60 pemimpin industri dan perniagaan berpusat di Mesir serta delegasi perniagaan Malaysia.

“Antara lain, kita membincangkan potensi pelaburan dengan beberapa bidang baharu yang boleh diteroka secara usaha sama perniagaan dan perdagangan dengan syarikat di negara kita, sekali gus dapat terus meningkatkan ekonomi negara,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan selepas menghadiri sesi itu.



Anwar berucap pada sesi meja bulat bersama pemain industri dan perniagaan berpusat di Mesir, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Yang turut hadir, Menteri Pelaburan dan Perdagangan Antarabangsa Mesir, Hassan El Khaib; Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Program berkenaan dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk berinteraksi dan memberi keyakinan kepada pemain industri di Mesir berhubung peluang pelaburan di Malaysia.

buran di Malaysia.

## Rancarkan ekonomi serantau

Sementara itu, ketika berucap pada sesi berkenaan, Anwar berkata, antara fokus Malaysia apabila mengambil alih kepengeruisan ASEAN pada tahun depan, termasuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan perdagangan di antara negara anggota rantau ASEAN.

Beliau berkata, Malaysia yang

juga antara negara pemain dan pengeluar utama dalam sektor tenaga hijau akan memanfaatkan kelebihan itu dalam usaha merencanakan lagi aktiviti ekonomi dan perdagangan ‘intra ASEAN’.

“Sebagai Pengerusi ASEAN, fokus lain yang akan diberikan termasuk usaha merencanakan lagi pengembangan digitalisasi dalam kalangan negara anggotanya,” katanya.